

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK	:	MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)
TARIKH	:	2024
TEMPAT	:	DEWAN PRODUKTIVITI, MPC
OBJEKTIF	:	i. Sebagai peringatan dan amaran kepada warga MPC agar menjauhi rasuah; ii. Jaminan pimpinan MPC kepada warganya, pemegang taruh dan pelanggan untuk mencegah jenayah rasuah; iii. Penzahiran akujanji kepada komitmen dalam pembanterasan rasuah; dan juga iv. Bukti bahawa MPC telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mencegah jenayah rasuah.
KOS YANG TERLIBAT / BAJET	:	RM 10,000.00 / BAJET OPERASI
BAHAGIAN/UNIT	:	UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS

KERTAS CADANGAN UNTUK KELULUSAN LEMBAGA PENGURUSAN MPC

TAJUK: MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)

1.0 TUJUAN

Tujuan kertas cadangan ini adalah untuk memaklumkan kepada Lembaga Pengurusan MPC dan mendapatkan kelulusan bagi peruntukan dalam menjayakan Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) di MPC.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 IBR merupakan satu inisiatif baru yang diperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hasil cetusan idea oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM sendiri, YBhg Datuk Dzulkifli Ahmad. Ianya memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut.

2.2 Keterbukaan dan sifat kebertanggungjawaban yang dipamerkan oleh para kepimpinan dan warganya dalam menandatangani IBR turut membuktikan bahawa usaha membanteras dan memerangi rasuah bukanlah tanggungjawab eksekutif SPRM semata-mata, tetapi sebaliknya ianya merupakan amanah dan tugas yang perlu dikongsi oleh seluruh ahli masyarakat, khususnya di kalangan warga yang berkhidmat di agensi-agensi kerajaan, bagi memastikan negara ini bebas daripada sebarang gejala rasuah dan salah guna kuasa.

- 2.3 Pada **6 Februari 2018** MPC telah menandatangani IBR buat kali pertama. Memandangkan ada perubahan perantikan pegawai baharu, adalah wajar untuk MPC mengulangi komitmen untuk mewujudkan persekitaran bebas rasuah menerusi Ikrar Bebas Rasuah seperti yang dilakukan pada **tahun tersebut**. Tarikh Majlis IBR untuk semua warga MPC dicadangkan pada 20 Februari 2024, Selasa, di Dewan Produktiviti, Blok Produktiviti, MPC.
- 2.4 Di antara objektif majlis ini diadakan adalah:
- i. Sebagai peringatan dan amaran kepada warga MPC agar menjauhi rasuah;
 - ii. Jaminan pimpinan MPC kepada warganya, pemegang taruh dan pelanggan untuk mencegah jenayah rasuah;
 - iii. Penzahiran akujanji kepada komitmen dalam pembanterasan rasuah; dan juga
 - iv. Bukti bahawa MPC telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mencegah jenayah rasuah.

3.0 TENTATIF PROGRAM MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH

MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)

2024

DEWAN PRODUKTIVITI, MPC

MASA	PROGRAM
9.00 pagi	Pendaftaran Warga MPC
9.25 pagi	• Ketibaan YBrS. En Zahid Ismail, Ketua Pengarah MPC • Ketibaan YBhg. Dato' Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM • Nyanyian Lagu Negaraku • Bacaan Doa • Ucapan Alu-aluan oleh YBrS. En Zahid Ismail, Ketua Pengarah MPC • Ucapan YBhg. Dato' Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM • Bual Bicara oleh SPRM • Montaj IBR / Video IBR oleh SPRM • Bacaan Ikrar Bebas Rasuah diketuai oleh YBrS. En Zahid Ismail, Ketua Pengarah MPC • Upacara Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah • Penyerahan Ikrar
12.00 tengahari	Jamuan Makan / Bersurai

4.0 KOS DAN PERUNTUKAN YANG TERLIBAT:

Anggaran kos dan peruntukan adalah seperti berikut:

	PERKARA	RM
1	Sesi Taklimat IBR Pengurusan MPC Bayaran Penceramah, Gred 54 (RM 200.00 x 2 jam)	400.00
2	Majlis IBR Minum pagi (RM 8.00 x 250 orang) Minum pagi (RM 18.00 x 5 orang – VIP) Makan Tengahari (RM12.00 x 30 orang – VIP) Penginapan Pengarah Wilayah (RM 250.00 x 5 x 1 malam) Tiket Penerbangan Pengarah Wilayah [(RM 900.00 x 3 orang) + (RM 1,200 x 1 orang) + (RM 1,000 x 1 orang)] Pengangkutan Pengarah Wilayah (RM 200.00 x 5 orang)	2,000.00 90.00 360.00 1,250.00 4,900.00 1,000.00
	JUMLAH	10,000.00

5.0 SYOR

Lembaga Pengurusan adalah dipohon untuk mempertimbangkan serta meluluskan cadangan bagi menganjurkan majlis yang dirancang dengan peruntukan sebanyak **RM 10,000.00**.

Disediakan oleh:

Anis Marina Abd. Wahab
Pegawai Perunding
Unit Integriti & Governans
21 Disember 2023

Disemak oleh:

Suzana Ismail
Pengurus Kanan
Unit Integriti & Govenans
21 Disember 2023